

# MTUC siapkan laporan pekerja asing jadi ahli kesatuan

UM 9 JUL 2001

KUALA LUMPUR 8 Julai — Lebih dua juta pekerja asing di negara ini dijangka menjadi ahli kesatuan sekerja jika cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengenai perkara itu diterima oleh kerajaan.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, pihaknya kini sedang menyiapkan laporan mengenai perkara itu yang akan membolehkan pekerja asing menikmati segala faedah dan kemudahan sebagai ahli kesatuan seperti juga pekerja tempatan.

Menurutnya, kerajaan wajar membenarkan para pekerja asing menyertai kesatuan-kesatuan sekerja di bawah gabungan MTUC bagi memastikan hak dan keistimewaan mereka sebagai pekerja terbelah.

"MTUC berpendapat pekerja asing harus dibenarkan menjadi ahli kesatuan sekerja. Di mana-mana sahaja dalam dunia ini pekerja asing dibenarkan menjadi ahli kesatuan sekerja.

"Sebagai ahli kesatuan gaji mereka akan ditentukan melalui perjanjian bersama (CA). Di samping itu mereka boleh menikmati segala faedah sebagai pekerja seperti yang ditetapkan di dalam Akta Pekerjaan," katanya.

Zainal berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Persatuan Hubungan Pekerjaan Antarabangsa (IERA) kesembilan di sini, hari ini.

Katanya, MTUC telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Julai lalu berhubung perkara itu.

"Dr. Mahathir meminta MTUC menyediakan laporan mengenai perkara itu dan kami sedang dalam peringkat akhir menyediakannya," ujarnya.

Menurut Zainal lagi, pada masa ini segala kemudahan yang diperolehi oleh para pekerja asing bergantung kepada ihsan majikan masing-masing.